

**DRAF TEKS UCAPAN
TUAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN PENGURUSAN SISA ORGANIK DOMESTIK
(SISA SIFAR) PARK VIEW (HARBOUR PALACE) BUTTERWORTH
PADA 12 JANUARI 2014 (AHAD)
JAM 11:00 PAGI**

Yang Dihormat Ahli Majlis- Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Francis Ong Koon Liak

Pengerusi Perbadanan Pengurusan Park View

Ketua - ketua Jabatan

Penduduk-penduduk Park View

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat pagi dan
salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana sudi menjemput saya untuk melancarkan Pengurusan Sisa Organik Domestik (Sisa Sifar) di Park View pada pagi ini.

Hadiran sekalian,

Saya dimaklumkan bahawa Park View Butterworth dipilih dan dipersetujui oleh Climate and Clean Air Coalition / Bank Dunia berasaskan kepada komitmen tinggi mereka dalam menjalankan aktiviti pengurusan sisa organik domestik. Ia akan dijadikan “pilot project” oleh Climate and Clean Air Coalition / Bank Dunia. Pihak Climate and Clean Air Coalition / Bank Dunia bersama-sama Perbadanan Park View akan mengkaji amalan baik pengurusan sisa terutamanya dalam sisa organik. Hasil pengalaman ini akan dijadikan panduan penyediaan dasar, teknologi, kewangan dan penyertaan pihak swasta.

Untuk makluman semua, terdapat tiga bandaraya di Asia yang dipilih bagi projek percubaan ini iaitu Dahka, Bangladesh , Hanoi, Vietnam dan juga Pulau Pinang. Di Seberang Perai, projek ini akan dijalankan di tiga

bangunan tinggi di bangunan tinggi berkong tinggi (Park View), bangunan tinggi berkong sederhana (Pangsapuri Taman Pandan) dan bangunan tinggi berkong rendah (Pangsa PPR Ampangan).

Park View Butterworth boleh jadi model untuk pendidikan sisa sifar jika program yang dirancang dilaksanakan dengan jayanya. UNEP dan Bank Dunia akan membangunkan satu pelan pelaksanaan berasaskan *Results-based financing* (RBF) yang termasuk *Output Based Aid* (OBA).

Buat masa ini, saya difahamkan purata sisa yang dikeluarkan di Park View ialah 339 kg setiap hari. Bilangan rumah ialah 316 unit, ini bermakna setiap penghuni rumah mengeluarkan 1.072 kg/hari. Diharapkan Perbadanan Pengurusan dapat mempergiatkan lagi program kitar semula selain dari program pengasingan sisa organik.

Program ini akan banyak membantu MPSP jika ia berjaya dilaksanakan memandangkan Majlis membelanjakan RM 8,639,665.44 sepanjang tahun 2013 untuk menguruskan 427,706.21 tan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Daripada jumlah tan sampah yang dijana,

230,728.18 tan adalah sisa domestik. Lebih daripada 50 % sampah adalah sisa domestik. Jika kita dapat menjalankan kitar semula, pengkomposan, ia dapat mengurangkan banyak sampah yang dihantar ke tapak pelupusan. Oleh itu, kerjasama diantara pihak NGO dan MPSP dalam program-program seperti sebegini amat dialu-alukan kerana ia memupuk satu ikatan kearah mewujudkan betapa pentingnya kita mengurangkan penjanaaan sisa pepejal atau sampah sarap.

Sempena dengan perasmian pada hari ini, saya menyeru kepada Perbadanan Pengurusan Park View agar memberi kerjasama membantu dalam kerja menimbang sisa organik yang dikeluarkan. Sistem rekod perlu diwujudkan bagi tujuan pengauditan dan memastikan projek ini dapat dijalankan dengan berjayanya. Pegawai Bank Dunia juga akan membuat lawatan pada bulan Mac 2014, oleh itu, diharapkan program pengasingan sisa organik berjalan dengan lancar dan sempurna.

Dengan harapan tersebut , saya melancarkan Pengurusan Sisa Organik Domestik (Sisa Sifar) Park View (Harbour Place) Butterworth.

Sekian, terima kasih.